

# Kedatangan pelancong ke Sabah dijangka bertambah

## Mardinah Jikur

SANDAKAN: Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata kedatangan pelancong ke Sabah dijangka terus bertambah dengan sektor pelancongan dijangka mengulangi prestasi tahun lepas yang menerima kunjungan 2.75 juta pelancong.

Beliau berkata ia adalah amat penting prasarana pelancongan ditambah bagi memenuhi pertumbuhan positif dalam sektor pelancongan di Negeri ini.

Dalam hubungan ini, beliau memuji inisiatif oleh Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), ICSD Venture Sdn Bhd. dan Aseana Properties Limited yang mengadakan usahasama bagi memajukan projek pembangunan bersepadu, Hotel Four-Points By Sheraton dan Harbour Mall Sandakan, yang terletak di pusat bandar, di sini.

Bercakap di majlis pembukaan Four Points oleh Sheraton dan Harbour Mall di sini pada malam Ahad lepas, Musa berkata pembangunan bersepadu itu amat signifikan dan sesuai dengan kedudukan daerah ini sebagai pusat pembangunan yang moden dan progresif di Pantai Timur.

Musa berkata ia juga seiring dengan program Hala Tuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri Sabah serta pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah (SDC).

# Pelancongan penggerak sektor perkhidmatan

## Dari muka depan

Dalam konteks ini, kata Musa, sektor pelancongan merupakan antara jentera penggerak utama bagi menjana kepesatan sektor perkhidmatan Sabah, selain sebagai pemangkin menjadikan hotel ini sebagai lokasi MICE (Meeting, Incentives,

Conference and Exhibitors), yang bakal melonjakkan lagi imej dan potensi Sandakan.

Pembangunan ini sudah tentu akan memberi manfaat kepada rakyat di sini," katanya.

Terdahulu, Pengarah Urusan ICSD Venture Sdn Bhd Ketua Pegawai Eksekutif Ireka

Development Sdn Bhd, Lai Voon Hon, merakamkan penghargaan kepada Musa dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek itu.

Di majlis sama, SM Yu Yuan Sandakan dan Badan Kebajikan Islam MPS masing-masing menerima sumbangan sebanyak RM10,000.